



SOALAN LAZIM PROGRAM SAVE 2.0

1. Apa itu program SAVE 2.0?

Sebuah program pemberian diskaun e-rebat RM200 kepada isi rumah yang membeli peralatan elektrik penyaman udara ATAU peti sejuk cekap tenaga berlabel 4 atau 5 bintang oleh Suruhanjaya Tenaga (ST).

Objektif Program

- meningkatkan kesedaran orang ramai agar membeli kelengkapan cekap tenaga yang akan menjimatkan wang dan penggunaan tenaga elektrik pengguna terutamanya pengguna domestik; dan
- meningkatkan jumlah bilangan kelengkapan elektrik cekap tenaga bertaraf lima (5) dan empat (4) bintang dan peralatan cekap tenaga di pasaran.

2. Apakah kriteria yang melayakkan saya untuk menyertai program SAVE 2.0?

Anda mestilah:

1. Warganegara Malaysia;
2. Pengguna/pemilik akaun elektrik berdaftar (domestik) di syarikat utiliti elektrik seperti TNB, SESB, SEB;
3. Menggunakan *e-Rebat* untuk pembelian penyaman udara ATAU peti sejuk berlabel 4 ATAU 5 Bintang Cepak Tenaga pada tahun 2021; dan
4. 1 akaun bil elektrik, 1 diskaun e-Rebat & 150,000 tebusan pertama sahaja.

3. Berapa jumlah e-Rebat yang saya nikmati jika saya menyertai program SAVE 2.0?

Setiap isi rumah layak untuk mendapat **e-Rebat 200 ringgit** dengan pembelian alat penyaman udara ATAU peti sejuk yang berlabel 4 atau 5 bintang. Sila rujuk syarat kriteria di Soalan 2 bagi maklumat yang lebih lanjut.

4. Apakah barangan elektrik yang boleh dibeli untuk melayakkan saya untuk mendapat e-Rebat di bawah program SAVE 2.0?

Anda layak untuk mendapat diskaun e-Rebat bernilai RM 200 sekiranya anda membeli penyaman udara **ATAU** peti sejuk **cekap tenaga berlabel 4&5 bintang (senarai jenama dan model peralatan tersebut adalah terdapat di laman sesawang SEDA Malaysia).**







5. Bagaimanakah cara untuk memohon e-Rebat di bawah program SAVE 2.0?

Terdapat 2 kaedah tersedia untuk pengguna iaitu:

- Kaedah 1: Pembelian dan Penebusan di **Kedai atau Pasar Raya Berdaftar**

		
<p>1. Pengguna</p>	<p>2. Permohonan e-Rebat di Kedai /Pasar Raya</p>	<p>3. Pembelian Kelengkapan Elektrik menggunakan penebusan e-Rebat</p>
<p>Pengguna mendapat maklumat Program SAVE 2.0 & memilih untuk membuat pembelian di Kedai atau Pasar Raya Berdaftar. Senarai kedai berdaftar adalah di www.saveenergy.gov.my.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pilih Kedai/pasar raya membantu pengguna memohon e-Rebat di Sistem Atas Talian Program SAVE 2.0 (Proses permohonan yang sama) 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengguna memilih penyaman udara ATAU peti sejuk cekap tenaga seperti yang disenaraikan; • Pengguna boleh merujuk Recommended Purchasing Price (RPP) di website www.saveenergy.gov.my; dan • Pengguna membeli & membayar pada harga diskaun RM200.

- Kaedah 2 : Pembelian Secara **atas talian (e-dagang)**

<p>1</p> 	<p>2</p> 	<p>3</p> 
<p>Pengguna</p>	<p>e- Dagang</p>	<p>Data Permohonan di hantar kepada SEDA Malaysia</p>
<p>Pengguna mendapat maklumat Program SAVE 2.0 & memilih untuk membuat pembelian secara <i>online</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengguna yang belum mendapatkan e-Rebat membuat permohonan di e-Dagang menyediakan <i>microsites</i> khas Program SAVE • Maklumat yang perlu diisikan adalah nama & no akaun bil elektrik 	<p>Syarikat e-dagang mengumpul maklumat permohonan & hantar kepada SEDA Malaysia</p>
<p>4</p>  <p>Semakan kelayakan dan kuota (3-5 hari)</p> <ul style="list-style-type: none"> • SEDA Malaysia membuat semakan kelayakan & kuota & meluluskan permohonan; • SEDA Malaysia menghantar maklumat pemohon yang berjaya & tidak berjaya kepada syarikat e-Dagang 	<p>5</p> 	<p>6</p> 
	<p>Makluman kepada pengguna & pemberian kod kupon</p> <ul style="list-style-type: none"> • Syarikat e-dagang memaklumkan kepada pemohon yang berjaya dan menghantar kod kupon e-dagang melalui aplikasi e-dagang & sms; • Pengguna yang tidak berjaya boleh hubungi SEDA Malaysia 	<p>Pembelian Kelengkapan elektrik</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengguna melayari semula platform e-dagang & membuat pilihan berdasarkan senarai kelengkapan elektrik cekap tenaga • Pengguna membuat transaksi bayaran dengan memasukkan kod kupon & bayaran diskaun RM200 diperolehi

6. Bagaimanakah cara untuk saya mendapat maklumat yang lebih lanjut tentang SAVE 2.0

Anda boleh melayari laman web *microsite* khas bagi SAVE 2.0 di www.saveenergy.gov.my

7. Bagaimanakah cara untuk saya mendaftar SAVE 2.0 sekiranya saya ingin membuat pembelian secara atas talian?

Anda boleh melayari laman sesawang rakan strategik platform pembelian atas talian SAVE 2.0 iaitu **Shopee** dan **Lazada** dan perhatikan logo program SAVE 2.0.

8. Bagaimanakah saya ingin melihat senarai kedai/ pasar raya yang berdaftar di bawah program SAVE 2.0?

Anda boleh melayari laman web *microsite* khas bagi SEDA 2.0 di www.saveenergy.gov.my

9. Berapakah maksimum isi rumah berkelayakan untuk program SAVE 2.0?

Kelayakan maksimum adalah satu berdasarkan 1 akaun bil elektrik, 1 *e-Rebat* (*first come, first serve basis*).

10. Adakah program ini mempunyai kontrak?

Tidak. Program ini berdasarkan konsep *first come, first serve basis*.

11. Apakah maklumat dan dokumen yang diperlukan untuk permohonan SAVE 2.0?

Pembeli hanya perlu mempunyai no. akaun bil elektrik yang sah. Sila rujuk soalan 2 dan 5 untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai cara permohonan SAVE 2.0.

12. Apakah faedah daripada Program SAVE 2.0?

- Memberikan faedah penjimatan kos pembelian peralatan elektrik;
- Memberikan kesedaran kepada masyarakat awam mengenai kepentingan pengurusan dan kecekapan tenaga khususnya pelabelan peralatan elektrik telah diperkenalkan oleh Kerajaan melalui Suruhanjaya Tenaga (ST); dan
- Menyokong aspirasi Kerajaan dalam proses pengalakkan inisiatif penjimatan dan kecekapan tenaga, rendah karbon dan tenaga lestari secara tidak langsung membantu Malaysia mencapai sasaran pengurangan karbon.

13. Sekiranya saya mengalami masalah, bagaimanakah cara saya untuk menghubungi pegawai bagi program SAVE 2.0?

Anda boleh menghubungi pegawai tersedia kami di SEDA Malaysia seperti berikut:

Pasukan Khas Program SAVE 2.0
Bahagian Pembangunan dan Fasilitasi Teknikal
SEDA Malaysia
03-8870 5800
www.saveenergy.gov.my